

Headline	FRIM terima anugerah buku terbaik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	12	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	190 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,790
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,369



FRIM terima anugerah buku terbaik

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sekali lagi memenangi Anugerah Buku Negara dalam Kategori Buku Teknikal Terbaik hasil penerbitan buku terbarunya yang bertajuk *Wild Orchids of Peninsular Malaysia*.

Menurut Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod anugerah tersebut merupakan kali kedua diterima FRIM.

Ujarnya, ia merupakan antara usaha FRIM sejak 2008 untuk menghasilkan lebih banyak penerbitan menarik berkenaan penemuan saintifik serta maklumat lain agar mudah dibaca oleh orang ramai.

“Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai penyelidik FRIM yang terlibat atas komitmen, usaha dan kejayaan mereka menghasilkan sebuah buku yang begitu menarik,”

katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Anugerah Buku Negara 2012 sempena Persidangan Buku Antarabangsa dan Malaysia Book Expo di Dewan Merdeka, Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur baru-baru ini.

Majlis penyampaian anugerah anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) tersebut disempurnakan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor selaku Penaung YPBN.

Wild Orchids of Peninsular Malaysia yang dihasilkan oleh Ong Poh Teck, Peter O’ Byrne, Wendy Yong dan Dr Saw Leng Guan tersebut merupakan sebuah buku yang komprehensif dan padat dengan olahan gambar yang menarik berkisar tentang kekayaan kepelbagaian flora orkid di Malaysia.



DR. Abd Latif Mohmod (dua dari kanan) bersama pengarang buku *Wild Orchids of Peninsular Malaysia* (dari kiri) Ong Poh Teck, Wendy Yong dan Saw Leng Guan.